



MISI Perkasa Pemandu Trak Menerusi Pensijilan Barangan Bahaya

KUALA LUMPUR, 8 Februari – **Malaysian Indian Skills Initiative (MISI)** terus memperkasa tenaga kerja negara dengan melatih pemandu trak Malaysia berketurunan India melalui program **Certificate of Professional Competence (CPC) – Dangerous Goods (DG) Integrated Truck Driver Training** di Klang hari ini.

Program latihan yang dirasmikan oleh **Yang Berhormat P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu** ini mendapat penyertaan yang amat menggalakkan serta menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap latihan khusus dalam sektor logistic sekali gus memperkukuh komitmen kerajaan dalam meningkatkan kemahiran dan memperkasa bakat komuniti India di Malaysia.

Sebagai sebuah inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Human Resource Development Corporation (HRD Corp), MISI telah menerima sebanyak **3,000 penyertaan** dalam bidang yang mempunyai permintaan tinggi seperti Kecerdasan Buatan dan *smart farming*, selaras dengan keperluan industri untuk kemahiran masa hadapan.

Menerusi pentauliahahan DG ini, pemandu trak untuk kategori ini akan mendapat gaji lebih tinggi serta jaminan pekerjaan yang lebih baik. Latihan intensif yang dijalankan selama tiga hari ini juga memberi kelebihan daya saing kepada peserta. Selain itu, graduan program latihan ini bukan sahaja berpeluang menceburi bidang keusahawanan malah mereka turut layak untuk jawatan pengurusan. Program ini juga menyokong pematuhan ESG dan piawaian keselamatan antarabangsa, memastikan ia kekal relevan dengan keperluan industri.

"Latihan bersepadu DG pada hari ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha melengkapkan pemandu lori dengan pensijilan dan kepakaran yang diperlukan bagi memajukan kerjaya mereka," kata Yang Berhormat Prabakaran.

Para peserta turut menyuarakan penghargaan mereka terhadap inisiatif ini. **V. Kalaiselvan, 29**, yang telah lebih enam bulan mencari pekerjaan berkata, program MISI tersebut telah memberinya harapan.

UNTUK SIARAN SEGERA

8 FEBRUARI 2025

“Saya amat bersyukur diberikan peluang untuk mendapatkan Sijil Latihan Bersepadu DG ini. Terima kasih Kerajaan MADANI,” katanya ketika ditemui di sini pada majlis berkenaan.

Seorang lagi peserta, yang berasal dari Ipoh, Perak, **D. Devandran, 38**, berkata, dia kini berpeluang meningkatkan pendapatnya menerusi Latihan tersebut.

“Selama tiga tahun saya bekerja dalam ekonomi gig yang rata-rata diketahui tidak mempunyai peluang peningkatan kerjaya. Namun, menerusi latihan ini, saya bukan sahaja akan menerima sijil sebagai pemandu trak, malah saya turut berpeluang membangunkan kerjaya sehingga ke jawatan pengurusan,” ujarnya.

MISI bukan sekadar mencipta peluang pekerjaan, tetapi juga memperkasa keusahawanan, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat dan membuka ruang untuk kemajuan kerjaya—memastikan pemandu trak India Malaysia terus maju dalam industri yang berkembang pesat.

-TAMAT-

UNTUK SIARAN SEGERA

8 FEBRUARI 2025

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.